

SPSS asas bagi para penyelidik di Sabah

UB 30.9.2016 B2
KOTAKINABALU: Peluang bersama Dr Colonius Atang, pensyarah kanan di Fakulti Perniagaan, Ekonomi dan Perakaunan (FPEP), Universiti Malaysia Sabah (UMS), tidak dipersiakan 45 orang pelajar ijazah sarjana dan ijazah doktor falsafah sebagai bidang dan dari universiti di pusat pengajian pascasiswazah, UMS.

Bengkel sehari yang telah dianjurkan dengan jayanya oleh Suhaimi Sapiee Consultancy & Services Sdn Bhd (SSCS) itu telah berlangsung dari jam 8 pagi hingga 5 petang. Ia turut dihadiri oleh lima peserta dari Universiti Brunei yang hadir langsung ke UMS semata-mata hendak mempelajari ilmu 'Statistical Package for the Social Science' atau SPSS yang merupakan nadi di dalam kelangsungan penyelidikan mereka.

Selain itu, ada juga peserta dari Labuan, Sandakan, Pitas, Papar, Keningau, Kundasang dan Kota Kinabalu yang turut gigih menghadirkan diri. Rata-rata mereka adalah dari kalangan pensyarah UMS, pensyarah IPG, guru-guru dan pekerja swasta yang sedang menjalankan penyelidikan dalam bidang kuantitatif dan kualitatif di Sabah, yang mana kebanyakan mereka adalah dari kalangan pelajar separuh masa dari UMS, OUM, UNISEL, UPM, USM dan UKM.

Selepas 8 jam berbengkel,

peserta telah diberikan sijil penghargaan yang telah disediakan penganjur. Sijil itu amat bermakna buat mereka sebagai titik mula kepada gerak langkah mereka di dalam dunia penyelidikan kuantitatif dan kualitatif.

Kebanyakan mereka berpuas hati dengan bengkel itu kerana ia bermula dari pengetahuan asas SPSS, dan diikuti dengan sesi latihan secara praktikal melalui kertas soal selidik yang disediakan oleh Dr Colonius.

Ia secara tidak langsung memberi peluang kepada peserta yang tidak pernah tahu perihal SPSS untuk menguasai asas dengan lebih baik. Selain itu, bagi peserta yang telah tahu tentang SPSS, bengkel itu telah berjaya menjadikan mereka lebih faham dan lebih mahir dalam menggunakan perisian SPSS di dalam penyelidikan mereka.

Bengkel yang turut dibantu oleh Azniza Mahyudin dari Institut Biologi Tropika dan Pemuliharaan (IBTP) UMS dan Dr Eravan Serri dari Kolej Yayasan Teknikal Sabah (KYTS) itu telah mendedahkan peserta kepada teori asas SPSS, kaedah mengenalpasti serta penyediaan data untuk SPSS dan juga pengurusan pangkalan data di dalam SPSS.

Seterusnya, peserta diajar perihal teknik pembersihan data dan menganalisis data secara lebih sistematik hingga kepada langkah penyelesaian bagi mengendalikan kes



PARA peserta bengkel tekun memberi perhatian dalam kelas.

'missing value' di dalam proses menganalisa data.

Bagi pensyarah Maktab Sabah, Julia Haji Matnoor, beliau sanggup melalui perjalanan sejauh lebih 300 kilometer dari Sandakan bagi mengikuti bengkel berkenaan.

Beliau yang kini mengikuti pengajian peringkat ijazah doktor falsafah di Universiti Selangor (UNISEL) amat berpuas hati dengan kandungan pengajaran bengkel.

"Saya berharap agar lebih banyak bengkel bermanfaat seperti ini dapat dianjurkan oleh SSCS buat para pelajar pascasiswazah di Sabah," katanya.

Isu yang sama dikemukakan oleh seorang lagi peserta, Vickneswaran Nakar Salapan, yang juga pelajar peringkat ijazah doktor falsafah di UNISEL, yang merupakan pensyarah di IPG Kampus Kent, Tuaran.

Beliau merasakan bengkel itu sangat bermanfaat kepada para pelajar pascasiswazah dan patut diperluaskan penganjurannya hingga ke kawasan pantai timur Sabah seperti di Sandakan dan Tawau.


"Ia kerana, saya berpendapat ramai lagi rakan seperjuangannya di Sandakan dan Tawau yang tidak dapat hadir ke Kota

Kinabalu untuk menyertai bengkel itu. Apapun, saya amat berterima kasih atas usaha yang telah dijalankan oleh SSCS," katanya.

Menurut Jaludin Janteng dari Keningau, yang merupakan pelajar ijazah doktor falsafah di Universiti Sains Malaysia (USM), bengkel yang dikendalikan secara santai oleh Dr Colonius itu memberi manfaat besar kepadanya sehingga beliau merasakan penganalisaan data menggunakan SPSS menjadi mudah. Beliau bersyukur kerana diberi kelapangan masa untuk hadir di bengkel berkenaan.

Ustaz Kharhan Jait dari Universiti Brunei Darussalam (UBD) yang merupakan tenaga akademik Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan, yang juga pelajar PhD pendidikan Islam, bersyukur kerana dapat memanfaatkan 'tools' sedia ada bagi memudahkan proses menganalisa kajian dengan kaedah penganalisaan yang tepat serta menetapkan kebolehppercayaan kajian di peringkat yang lebih tinggi.

Begitu juga halnya dengan Murhqaq Mohd Neng dari Sandakan. Beliau adalah seorang guru di sekolah rendah luar bandar di Daerah Sandakan, yang juga pelajar di peringkat ijazah sarjana



DR Colonius memberi tunjuk ajar kepada peserta.



SUHAIMI (kanan) menyampaikan sijil penghargaan kepada Dr Colonius Atang.

di Universiti Putra Malaysia (UPM) di dalam bidang pengajaran bahasa Melayu sebagai bahasa pertama.

Beliau berpendapat bengkel itu amat mudah difahami dan sangat berbaloi untuk disertai. Beliau juga tidak sabar untuk mengikuti bengkel SPSS di peringkat 'Intermediate' pada 29 Oktober 2016 dan peringkat 'Advance' pada 12 November 2016 di UMS nanti.

"Ia penting bagi memastikan tahap ilmu di dalam dunia SPSS dapat dipertingkatkan lagi dari masa ke semasa, agar memudahkan lagi perjalanan pengajian saya hari ini," katanya.

Beliau juga merakamkan jutaan terima kasih buat SSCS dan semua yang terlibat

menjayakan bengkel yang amat bermanfaat di dalam hidupnya itu dan berasa amat bersyukur kerana telah menyertai bengkel penulisan tesis pantas, klinik Mendeley, bengkel SEM AMOS dan GOT Coaching anjuran SSCS sejak awal tahun ini.

Murhqaq juga berharap agar anak-anak tempatan khususnya, tidak mensiakan peluang belajar yang ada demi pembangunan bangsa dan negara.

Bagi yang tidak berkesempatan, bengkel SPSS peringkat asas itu akan diadakan lagi pada 22 Oktober 2016 di Pusat Pengajian Pascasiswazah, UMS dan akan dikendalikan oleh Dr Fiffy Hanisdah Saikin, pensyarah kanan di IBTP, UMS.



PARA peserta bengkel merakamkan kenangan bersama Dr Colonius.